

NOTA PERSIAPAN PEPERIKSAAN RADIO AMATUR (RAE)

ISI KANDUNGAN

TAJUK	M/S
<u>BAHAGIAN A:</u>	1
BAGAIMANA HENDAK MENJADI PENGENDALI RADIO AMATUR	
PENGENALAN	1
MENGENAI RADIO AMATUR	2
PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DI DALAM STESEN RADIO AMATUR.	2
PERKARA-PERKARA YANG DIBENARKAN BAGI STESEN RADIO AMATUR	3
SIJIL PENGENDALI RADIO AMATUR (AROC) - Sijil Pengendali Radio Amatur Kelas A - Sijil Pengendali Radio Amatur Kelas B	3
MENGAMBIL BAHGIAN DI DALAM RADIO AMATUR	4
PENGUNTUKAN RADAS RADIO AMATUR (ASAA) - Terdapat 3 Jenis Kategori Penguntukan Radas Radio Amatur	5
KELAYAKAN MEMOHON PENGUNTUKAN RADAS RADIO AMATUR	5
KEPERLUAN PEMATUHAN (COMPLIANCE REQUIREMENT)	6
KEPERLUAN PEMATUHAN ANTARABANGSA	6
PERSEDIAAN PERTUKARAN OPERASI	6
PEPERIKSAAN - Peperiksaan bertulis Radio Amatur (RAE) - Ujian Kod Morse	7 7 7
BAGAIMANA MEMOHON MENDUDUKI PEPERIKSAAN	8
YURAN PEPERIKSAAN	8
HAD UMUR YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN	8

<u>BAHAGIAN B:</u>	
BERKENAAN PERATURAN/TATACARA RADIO AMATUR (AOP)	9
- Pengenalan	9
- Mempamerkan Penguntukan Radas (AA).	9
BUKU LOG RADIO AMATUR	9
PEMERIKSAAN STESEN RADIO AMATUR	10
PENYEDIAAN ANTENA	10
JALUR FREKUENSI/ KUASA DAN KELAS PANCARAN	11
- Lesen Kelas A	11
- Lesen Kelas B	11
KUASA PANCARAN PUNCAK UNTUK STESEN RADIO AMATUR	12
PROSEDUR PEMASANGAN	12
PENGENDALIAN STESEN RADIO AMATUR	13
ISYARAT DAN UJIAN RADIO (Signal and Radio Check)	14
GANGUAN PANCARAN (Interference)	15
LAPORAN ISYARAT (Signal Reports)	16
HURUF FONETIK (Phonetic Alphabet)	16
KOD 'Q' ('Q' Code)	18
SINGKATAN YANG DIGUNAKAN DALAM CW	25
CALLSIGN (Tanda Panggilan)	32
PERKARA YANG DILARANG KETIKA BERKOMUNIKASI	32
	33
<u>BAHAGIAN C:</u>	
KANDUNGAN PEPERIKSAAN RADIO AMATUR	
LAIN-LAIN SEBAGAI PENGETAHUAN AM	33

CONTOH PANDUAN QSO (BERKOMUNIKASI)	35
1. MENYERTAI QSO (PERBUALAN)/BERGABUNG QSO (BERKOMUNIKASI)	35
2. JIKA FREKUANSI KOSONG.	36
3. GILIRAN QSO (BERBUAL)	36
4. ELAKAN MENGGUNAKAN 'BREAK/ SHORT BREAK DALAM QSO KECUALI KETIKA KECEMASAN SAHAJA	37
5. MENAMATKAN QSO (BERBUAL).	38
6. PENGGUNAAN QRX DAN QRT	38
7. 73 (Signature) Tandatangan / salam	39
8. Cara Mencari Frekuensi Simplex (V-Channel)	41
9. PENUTUP	42
10. CATATAN PENULIS	43

NOTA PERSIAPAN PEPERIKSAAN RADIO AMATUR (RAE)

BAHAGIAN A:

BAGAIMANA HENDAK MENJADI PENGENDALI RADIO AMATUR

PENGENALAN

Perkhidmatan Radio Amatur (Amatur Radio Stesen-ARS) telah wujud di kebanyakan negeri-negeri yang menggunakan frekuensi yang sama di Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) adalah sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Perperiksaan dan urusan mengeluarkan (ASAA) Stesen Radio Amatur.

Untuk mengendalikan sebuah Stesen Radio Amatur, pengendali mestilah memiliki Penguntukan Radas (Apparatus Assingment-AA) atau bagi rakyat Negara luar dikehendaki memohon pertukaran Penguntukan Radas (Reciprocal) dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Negera-negara yang diiktiraf oleh Malaysia termasuklah:

Asia:-

Thailand
Indonesia
Laos
Vietnam
Myanmar
India
Cina
Mongolia.

Eropah:-

United Kingdom
Republik Jerman
Switserland
Finland
Czechoslovakia.

Bagi Negara-negara yang tidak mempunyai pengiktirafan boleh memohon dan atas budi bicara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk meluluskan pertukaran Penguntukan Radas berkenaan.

Stesen Radio Amatur atau Pengendali Radio Amatur seringkali dikenali sebagai 'Radio Ham' atau 'HAM'.

MENGENAI RADIO AMATUR

1. Radio Amatur ditakrifkan di dalam **Akta Komunikasi 1998 (CMA98) dan Multimedia (Spectrum) Peraturan 2000**
 - a. Perkhidmatan Radio Komunikasi (termasuk terrestrial & Satellite)
 - b. Di mana kegunaan stesen dengan tujuan latihan sendiri, berkomunikasi dan penyiasatan teknikal
 - c. Dijalankan oleh seseorang yang berkelayakan yang mempunyai keinginan mendalami teknik radio di atas usaha peribadi dan tidak mempunyai niat yang lain.
2. **Radio Amatur juga adalah diiktiraf sebagai salah satu peralatan berkomunikasi radio yang mana ITU (International Telecommunication Union) memantau dan menyediakan frekuensi khas untuk perkhidmatan Radio Amatur** yang mana frekuensi tersebut dapat digunakan diseluruh dunia.
3. Pengendali Radio Amatur mesti memberikan perkhidmatan bagi membantu kerajaan sesebuah negara ketika berlakunya bencana alam sekiranya sistem komunikasi yang lain tidak boleh berfungsi atau tiada kemudahan komunikasi yang lain.
4. Salah satu kehebatan yang ada pada Radio Amatur ialah **'perasaan muhibah antarabangsa'** diantara rakan HAM seluruh dunia dengan ikatan persaudaraan antara manusia tanpa mengira darjat atau kasta.
5. Malaysia Amateur Radio Transmitters' Society (MARTS)

PERKARA-PERKARA YANG DILARANG DI DALAM STESEN RADIO AMATUR.

Terdapat beberapa perkara yang dilarang semasa berkomunikasi:-

1. Stesen Radio Amatur (ARS) dilarang menggunakan Radio Amatur untuk tujuan komersial.
2. Menyiarkan sebarang bahan yang telah sedia ada berupa lagu, percakapan, berita atau apa sahaja yang berkaitan (Re-Broadcast)

PERKARA-PERKARA YANG DIBENARKAN BAGI STESEN RADIO AMATUR

1. Berkomunikasi dengan stesen radio amatur diseluruh dunia dengan menggunakan Radio HF dan satelit.
2. Berkomunikasi di antara bandar-bandar tempatan dengan menggunakan radio pemancar VHF dan UHF.
3. Memberi khidmat komunikasi ketika berlakunya bencana alam sekiranya tidak terdapat alat komunikasi yang lain atau alat komunikasi yang lain tidak berfungsi.
4. Pembuatan sendiri Radio, Pancaran, Penerimaan dan Antena.
5. Berkomunikasi di dalam orbit satelit tanpa sebarang kos
6. Berkomunikasi dengan angkasawan ketika mengelilingi dunia.
7. Kajian mengenai TV Amatur (ATV), Slow Scan TV (SSTV) atau menghantar gambar potret dengan menggunakan faksimili.
8. Mengambil bahagian di dalam sebarang pertandingan Radio Ham atau mengadakan peralatan tunjuk arah.
9. Mengambil bahagian di dalam aktiviti mencari dan menyelamatkan.
10. Memancarkan dan menyebarkan berita-berita semasa berkaitan persekitaran mereka sendiri umpamanya berita kematian, bencana, aktiviti masyarakat dan apa sahaja yang memberi faedah umum melainkan perkara-perkara yang boleh menyinggung sesuatu pihak. Umpamanya: cerita ayah pin, persidangan Politik, mempromosikan barangan untuk dijual.

SIJIL PENGENDALI RADIO AMATUR (AROC)

Peraturan 27(1) Akta Komunikasi dan Multimedia (Technical Standard Peraturan 2000

- bahawa tiada sesiapa dibenarkan mengambil alih atau melakukan sebarang aktiviti di dalam kawasan kemahiran kecuali diluluskan.
- Sijil Pengendali Radio Amatur telah digezetkan di dalam kawasan mahir di bawah kategori peraturan, maka untuk tujuan mengoperasikan Stesen Radio Amatur, seseorang itu perlu memiliki kewibawaan dan kemahiran di dalam kawasan yang disahkan.

Sijil Pengendali Radio Amatur (AROC) **adalah sesuatu sijil yang dapat membuktikan bahawa Pengendali mempunyai pengetahuan yang baik**

di dalam bidang tersebut dan **dapat menjadikan Operasi Stesen Radio Amatur dengan betul dan bertanggungjawab** di bawah Penguntukan undang-undang.

Terdapat 2 Kelas Sijil Pengendali Radio Amatur

1. Sijil Pengendali Radio Amatur - **Kelas A (AROC Class A)**
2. Sijil Pengendali Radio Amatur - **Kelas B (AROC Class B)**

Sijil Pengendali Radio Amatur Kelas A

Dibenarkan memohon Penguntukan Radas Radio Amatur (ASAA) Untuk kelayakan, seseorang itu dikehendaki lulus di dalam Peperiksaan Teori Radio Amatur (RAE) dan Ujian Amali Kod Morse atau ujian CW.

Mulai April 2007, kelulusan Kod Morse tidak lagi diperlukan, walaubagaimanapun ujian amali kod morse akan dianjurkan untuk tujuan pengiktirafan dan kemahiran diri.

Sijil Pengendali Radio Amatur Kelas B

Boleh memohon Penguntukan Radas Radio Amatur (ASAA) dengan menduduki dan lulus di dalam Peperiksaan Teori Radio Amatur sahaja.

MENGAMBIL BAHGIAN DI DALAM RADIO AMATUR

Untuk mengendalikan Stesen Radio Amatur, seseorang mestilah mempunyai Sijil Pengendali Radio Amatur (ASAA) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM). Tanda Pemanggil (Callsign) di Malaysia:-

Negeri	Kategori	Tanda Pemanggil (Callsign)
Semenanjung Malaysia	Kelas A	9M2xxx
	Kelas B	9W2xxx
Sabah	Kelas A	9M6xxx
	Kelas B	9W6xxx
Serawak	Kelas A	9M8xxx
	Kelas B	9W8xxx

Nota: "x" merujuk kepada sebarang huruf daripada "A" sehingga "Z"

PENGUNTUKAN RADAS RADIO AMATUR (ASAA)

Semua Stesen Radio Amatur di Malaysia mestilah mempunyai Penguntukan Radas (AA) dengan sempurna dan sah dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) yang diiktiraf sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di Malaysia. Anda perlu memiliki Penguntukan Radas (AA) untuk mengendalikan sebuah Stesen Radio Amatur.

Terdapat 3 Jenis Kategori Penguntukan Radas Radio Amatur:-

1. Penguntukan Radas Radio Amatur Kelas A (ASAA Class A)
2. Penguntukan Radas Radio Amatur Kelas B (ASAA Class B)
3. Penguntukan Radas Radio Amatur Pengulang (Amateur Repeater Station)

Bagaimanapun terdapat tambahan penguntukan radas bagi perkara-perkara lain seperti berikut;

No	Penguntukan Radas	Tanda Panggil
1	Radas Radio Beacon	9M4Bxx
2	Radas Radio stesen Kelab	9M4Cxx
3	Radas Radio Gateway	9M4Gxx
4	Radas Radio Experimentale	9M4Xxx

Jangka masa yang ASAA dibenarkan untuk memohon Penguntukan Radas tersebut adalah antara **3 bulan** sehingga **5 tahun**.

KELAYAKAN MEMOHON PENGUNTUKAN RADAS RADIO AMATUR

Kelayakan memohon adalah:-

1. Berumur **melebihi 14 tahun** bagi memohon Penguntukan Radas Radio Amatur (ASAA) **Kelas B**
2. Berumur **melebihi 18 tahun** bagi memohon Penguntukan Radas Radio Amatur (ASAA) **Kelas A**

Pada pemohon yang berumur di bawah 21 tahun dimestikan mendapatkan pengesahan daripada ibubapa, penjaga atau mana-mana pihak yang akan bertanggungjawab dan memberi perhatian mengenai tatacara dan menandatangani di dalam borang permohonan.

3. **Rakyat Malaysia.** Kepada bukan warganegara Malaysia boleh memohon pertukaran Penguntukan Radas (Reciprocal).
4. Pemegang Penguntukan Radas Kelas A atau B hendaklah **mengemukakan Salinan keputusan peperiksaan** yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM)

KEPERLUAN PEMATUHAN (COMPLIANCE REQUIREMENT)

Pemegang Penguntukan Radas dikehendaki akur dengan provisi **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998** (CMA98) dan undang-undang atau pindaan yang dibuat.

KEPERLUAN PEMATUHAN ANTARABANGSA (INTERNATIONAL COMPLIANCE REQUIREMENT)

Pemegang Penguntukan Radas hendaklah mematuhi provisi peraturan dari **International Telecommunication Union** (ITU) dan **International Telecommunication Convention**.

Penggunaan frekuensi bagi Pengulang gelombang VHF dan UHF adalah diantara 50KM dari sempadan Malaysia yang mana memerlukan persefahaman diantara kedua-dua buah Negara.

Yuran Pendaftaran dan Tahunan untuk Penguntukan Radas Radio Amatur:-

Jenis Penguntukan Radas	Yuran Pendaftaran	Yuran Tahunan
Kelas A	RM60.00	RM36.00
Kelas B	RM60.00	RM24.00
Pengulang	RM60.00	RM60.00

PERSEDIAAN PERTUKARAN OPERASI (RECIPROCAL OPERATING ARRANGEMENT)

Pengendali Radio Amatur bukan warganegara Malaysia boleh **memohon** Penguntukan Radas di bawah **pertukaran operasi** di antara Negara mereka dengan Malaysia. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**MCMC/SKMM**) akan mengeluarkan Penguntukan Radas berkenaan **jika memenuhi syarat**. Pengeluaran dan kelas Penguntukan

Radas berkenaan adalah **sama dengan kelas Penguntukan Radas dari Negara asal.**

Penguntukan Radas tidak akan dikeluarkan sekiranya Negara-negara yang tidak mempunyai pertukaran operasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) akan mengeluarkan Penguntukan Radas berkenaan dalam **tempoh setahun atau mengikut tempoh sah** pada Penguntukan Radas **Negara asal.** Walaubagaimanapun bagi Negara-negara yang tiada pertukaran operasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) akan menimbangkan permohonan tersebut.

PEPERIKSAAN

Terdapat 2 Katagori Peperiksaan Radio Amatur:-

1. Peperiksaan bertulis Radio Amatur (RAE) Berumur 14 tahun ke atas
2. Peperiksaan amali Kod Morse/CW Berumur 18 tahun ke atas

Peperiksaan bertulis Radio Amatur (RAE)

1. Teori elektrik, Elektronik dan Radio Komunikasi
2. Teori dan Operasi Peralatan Radio Amatur termasuk system antenna, pemancaran, transmitor, amplitude, modulasi frekuensi dan teknik sideband.
3. Peraturan dibuat di bawah Akta membolehkan mana-mana stesen beroperasi dan melakukan amali yang berkaitan dengan operasi stesen.
4. Melakukan Peraturan Radio ITU membolehkan stesen beroperasi dan melakukan amali dan tertakluk kepada provisi yang berkaitan.

Terdapat 100 soalan dwi-bahasa berbentuk objektif di dalam kertas peperiksaan radio amatur. Masa yang diambil adalah 3 jam untuk menjawab soalan-soalan. Setiap kesalahan, markah tidak akan dipotong.

Ujian Kod Morse

Adalah peperiksaan amali untuk mengukur kemahiran dan kecekapan sebagai pengendali radio amatur.

1. Berupaya **menghantar mesej** dengan betul dengan menggunakan kekunci telegraph samada kekunci semi automatic atau kekunci

elektronik dalam tempoh tempoh 3 minit dengan **kelajuan 12 perkataan seminit bahasa biasa**, termasuk angka dan signal 'Q' dan signal kecemasan mengikut peraturan Kod Morse Antarabangsa.

2. Berupaya **menerima mesej** dengan betul dengan menggunakan kekunci telegraph samada kekunci semi automatic atau kekunci elektronik dalam tempoh 3 minit dengan kelajuan **12 perkataan seminit bahasa biasa**, termasuk angka dan signal 'Q' dan signal kecemasan mengikut peraturan Kod Morse Antarabangsa.

BAGAIMANA MEMOHON MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Peperiksaan akan diadakan dari masa ke semasa, tarikh dan tempat akan ditentukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM). Notis dan penghebahan akan dibuat melalui media, surat khabar dan bahan cetakan elektronik yang sedia ada. Notis, Terma dan Syarat, pembayaran akan dihebahkan. Pemohon dikehendaki mengisi borang yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM).

YURAN PEPERIKSAAN

Yuran peperiksaan adalah seperti berikut:-

1. Peperiksaan Radio Amatur (RAE) - RM50.00
2. Peperiksaan Kod Morse - RM50.00

Yuran tidak akan dikembalikan kepada calon sekiranya menarik diri atau tidak hadir pada waktu peperiksaan. Yuran tidak boleh dipindah dari peperiksaan ke satu peperiksaan kepada suatu tarikh yang lain atau dipindahkan kepada calon yang lain.

HAD UMUR YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

Had minima umur bagi calon-calon untuk menduduki peperiksaan radio amatur ialah 14 tahun dan 18 tahun bagi peperiksaan Kod Morse/CW. Ini adalah diambil kira tentang jawapan yang diperlukan ketika beroperasi dengan menggunakan kuasa tinggi ketika pemancaran dan diberi keutamaan kepada pemegang Penguntukan Radas Kelas A Pengendali Stesen Radio Amatur.

BAHAGIAN B: **BERKENAAN PERATURAN/TATACARA RADIO AMATUR (AOP)**

Pengenalan:

Perkara berkenaan dengan Peraturan/Tatacara Radio Amatur (AOP) adalah semata-mata untuk memberikan panduan ketika mengendalikan stesen radio amatur. Peraturan /Tatacara adalah satu arahan dan tatacara ketika mengendalikan stesen radio amatur di Malaysia.

Mempamerkan Penguntukan Radas (AA).

Pengendali Radio Amatur dimestikan mematuhi tatacara yang telah disediakan ketika mengendalikan sebuah stesen Radio.

1. Penguntukan Radas Stesen Amatur (ASAA) hendaklah dipamer di alamat yang tertera di dalam Penguntukan Radas.
2. Bagi stesen yang bergerak (mobile) dikehendaki membawa satu salinan Penguntukan Radas untuk pengesahan.

BUKU LOG RADIO AMATUR

Buku log diadakan bagi merekodkan aktiviti-aktiviti ketika berkomunikasi di dalam jangka waktu dan alamat yang tertera di dalam Penguntukan Radas.

Buku log boleh juga disediakan melalui media elektronik dan boleh dilihat atau dicetak. Ianya perlu dikemukakan apabila pemeriksaan berkala oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) dijalankan. Isi kandungan hendaklah disimpan sekurang-kurangnya 2 tahun. Isi kandungan di dalam buku log adalah seperti berikut:-

1. Tarikh berkomunikasi (QSO)
2. Waktu mula/tamat QSO pada setiap kontek (waktu tempatan/waktu UTC)
3. Frekuensi/Band yang digunakan
4. Kelas atau mod komunikasi
5. Kuasa yang dipancarkan (Transmisi)
6. Callsign yang dikontek

7. Nama kontek (handle)
8. Sesuatu ujian yang dilakukan.
9. Tempat ketika beroperasi
10. Nombor bilangan daftar

PEMERIKSAAN STESEN RADIO AMATUR

Semua Pengendali Rasio dikehendaki membenarkan mana-mana pegawai dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC/SKMM) untuk membuat pemeriksaan berkala atau ujian di Stesen Radio Amatur sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat di dalam Penguntukan Radas Stesen Amatur (ASAA).

PENYEDIAAN ANTENA

Pemegang Penguntukan Radas dibenarkan memasang antena di luar premis dan ianya dipastikan kukuh dan tidak mengancam keselamatan pada orang ramai atau harta awam

JALUR FREKUENSI/ KUASA DAN KELAS PANCARAN

Tertakluk seperti berikut:-

Lesen Kelas A

Jalur Frekuensi (MHz)	Kuasa Maksimum (Watts PEP)	Kelas Pancaran
1.8 - 2.0	25	A1A, A2A, A3E, F1A, F2A, F3E, J3E, R3E,
3.5 - 3.9	400	
7.0 - 7.1	400	
10.1 - 10.15	400	
14.0 - 14.35	400	
18.068 - 18.168	400	
21.0 - 21.45	400	
24.89 - 24.99	400	
28.0 - 29.7	400	
50.0 - 54.0	400	
144.0 - 146.0	400	
146.0 - 148.0	400	
430.0 - 440.0	100	
1,240 - 1,300	100	
2,300 - 2,450	50	
3,300 - 3,500	50	
5,650 - 5,850	50	
10,000 - 10,500	50	
24,000 - 24,250	50	
47,000 - 47,200	50	
75,500 - 81,000	50	
119,980 - 120,020	25	
142,000 - 144,000	25	
144,000 - 149,000	25	
244,000 - 248,000	25	
248,000 - 250,000	25	

Lesen Kelas B

Jalur Frekuensi (MHz)	Kuasa Maksimum (Watts PEP)	Kelas Pancaran
28.0 - 29.7	50	A1A, A2A, A3E, F1A, F2A, F3E, J3E, R3E,
50.0 - 54.0	50	
144.0 - 146.0	50	
146.0 - 148.0	50	
430.0 - 440.0	50	

KUASA PANCARAN PUNCAK UNTUK STESEN RADIO AMATUR

Pengendali Radio Amatur mestilah mematuhi Kuasa pancaran yang ditetapkan dan dengan kehendak ITU dengan kadar atau limit untuk Stesen Radio Amatur. Maksima bagi kuasa pancaran adalah dengan kiraan; menolak pengecilan dari kuasa alat pemancar ke antenna.

Jenis Perkhidmatan	Attenuation (dB) below the power supplied to the antenna transmission line
Perkhidmatan Amatur beroperasi kurang dari 50 Mhz (termasuk SSB)	43 + 10 log (PEP), or 50 dB, whichever is less stringent
Lain-Lain perkhidmatan Amatur	43 + 10 log (p), or 70 (dB), whichever is less stringent

Di mana

P = kuasa purata dalam watt yang disalur ke laluan transmisi.

PEP = kuasa pemuncak (peak envelope power) dalam watt yang disalurkan kelaluan transmisi antenna.

Kuasa pemancaran dari mana-mana pemasangan selain daripada antenna dan alat pemancar tidak boleh melebihi dari sistem antenna yang mana dengan kuasa maksima diluluskan pada kuasa frekuensi pancaran.

PROSEDUR PEMASANGAN

Berikut adalah prosedur pemasangan yang perlu dipatuhi ketika memasang Stesen Radio Amatur.

1. Pemegang Penguntukan Radas (ASAA) dibenarkan memasang dan mengendalikan Stesen Radio Pengendali.
 - i. Stesen Radio Amatur dipengkalan (Base Station)
 - beroperasi di premis dan alamat yang tertera di dalam Penguntukan Radas (ASAA).
 - ii. Stesen Radio Pengendali bergerak (Mobile)
 - beroperasi ketika bergerak seperti di dalam kereta, di atas Motosikal atau basikal.

- iii. Stesen Radio Amatir mudah alih (Portabel)
 - beroperasi luar dari alamat di dalam Penguntukan Radas untuk sesuatu masa.
 - iv. Stesen Bumi Radio Amatir
 - Beroperasi dengan Radio Amatir melalui Satelit Radio Amatir.
2. Pemegang lesen dibenarkan mengadakan lebih daripada satu Stesen tetapi tidak dibenarkan beroperasi pada waktu yang sama dan tempat yang berlainan.
 3. Stesen Radio Amatir boleh beroperasi pada bila-bila masa kecuali terdapat gangguan pancaran dalam frekuensi di bawah 30 Mhz melebihi 10 dan 3 minit bagi frekuensi 30 Mhz ke atas.

PENGENDALIAN STESEN RADIO AMATUR (OPERATING THE AMATEUR STATION)

Pengendali Stesen Radio Amatir hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:-

1. Apabila "on" suis peranti, Pengendali dikehendaki mendengar dahulu di frekuensi dan memastikan frekuensi tersebut tidak digunakan. Jika ada mana-mana Stesen menggunakan frekuensi tersebut, Pengendali boleh menyertai komunikasi (QSO) dengan memperkenalkan "Callsign" dalam tempoh 3 saat semasa laluan diberi.
2. Perkataan "BREAK" tidak boleh digunakan di dalam perbualan (QSO) yang sedang diperbualkan.
3. Kegunaan "BREAK" adalah hanya untuk memberitahu sebarang trafik kecemasan.
4. Pengendali hendaklah memberikan "Callsign" setelah panggilan "BREAK". Semua Stesen yang sedang berkomunikasi (QSO) hendaklah melepaskan/mengosongkan frekuensi dengan **serta-merta** dan menunggu untuk memberi sebarang bantuan jika perlu.
5. Pengendali DIKEHENDAKI berhenti seketika dalam masa 3 saat pada setiap perbualan (QSO). Sekurang-kurangnya satu pemberhentian pada setiap 1 minit masa perbualan (QSO).
6. Sekiranya pancaran dibuat dalam bentuk operasi Video dan Pancaran Data, pemberhentian seketika diwaktu tidak diperlukan

tetapi pemberhentian 5 saat digalakan pada akhir pancaran. Prosedur ini perlu jika menghantar mesej melalui Pengulang di mana dapat mengelakan sebarang gangguan ketika menghantar mesej kecemasan.

7. Di dalam Operasi sehala (**Simplex**), Pengendali dikehendaki **memberikan Callsign** setiap sekali dalam masa **10 minit** perbualan (QSO).
8. Di dalam **Operasi Pengulang**, Pengendali dikehendaki **memberikan Callsign** setiap sekali dalam masa **3 minit** perbualan.
9. Di dalam **operasi HF**, Pengendali yang menggunakan frekuensi bawah pada 50 Mhz dikehendaki **memberikan Callsign** setiap sekali dalam masa **10 minit** perbualan.
10. Kesemua Callsign **DIWAJIBKAN** menggunakan sebutan yang diiktiraf oleh International Phonetic Alphabet.
11. Apabila menggunakan Pengulang, keutamaan harus diberikan kepada

Keutamaan Stesen	Jenis Stesen
Pertama	Sebarang panggilan berbentuk kecemasan/ Maklumat trafik
Dua	Kuasa rendah dan menggunakan alat mudah alih (Portabel)
Tiga	Stesen Bergerak (Mobil)
Empat	Stesen Premis (Base) dan Stesen sementara berkuasa tinggi (Portabel).

Keutamaan diberikan kepada mana-mana stesen yang mempunyai sebarang kecemasan.

ISYARAT DAN UJIAN RADIO (Isyarat and Radio Check)

Pemantauan peralatan radio dan isyarat adalah penting untuk memastikan keadaan peralatan sentiasa berada di dalam kondisi yang terbaik dari masa ke semasa.

Untuk memperakui kemungkinan gangguan isyarat radio, amalan seperti berikut hendaklah dipatuhi:-

1. Setiap pancaran ketika membetulkan gelombang hendaklah menggunakan boneka tiruan (dummy load).
2. Pastikan frekuensi berkenaan tidak digunakan/kosong apabila menguji antena.
3. Pengendali hendaklah menyebut callsign dan maklumkan tujuan percubaan.
4. Menggunakan butang 'PTT' (Press To Talk) tanpa audio adalah dilarang ketika membuat percubaan.

GANGUAN PANCARAN (Interference)

Pastikan pancaran radio tidak mengganggu sebarang system radio komunikasi yang lain. Akta 15(1) dalam Komunikasi dan Multimedia (Technical Standards) peraturan 2000 bahawa jika **seseorang dengan sengaja melakukan perubahan, pengujian atau modifikasi peralatan komunikasi di dalam apa bentuk yang boleh menyebabkan gangguan terhadap peralatan komunikasi yang lain.**

Akta 15(2) peraturan juga menyebut, **seseorang yang melanggar peraturan ini, bersabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjara selama tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.**

Untuk memastikan dan mengatasi gangguan, perkara-perkara yang harus dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Pastikan peralatan yang lengkap untuk tujuan ujian gangguan supaya ianya tidak mengganggu peralatan perkhidmatan radio lain.
2. Bertanggungjawab, sekiranya ada seorang Pengendali Stesen Radio Amatur dan jika mendapati sebarang gangguan, segerakan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah gangguan tersebut.
3. Memastikan pancaran tidak melebihi tahap penyimpangan (Deviation).
4. Memastikan tenaga sinar berada di dalam frekuensi yang sempit bagi semua kelas pancaran yang digunakan.
5. Sinaran dan pemalsuan pancaran boleh menyebabkan kepada gangguan yang minima.

LAPORAN ISYARAT (Singnal Reports)

Laporan isyarat yang diterima dari Stesen Radio Amatur ketika perbualan (QSO). Kedua-dua stesen boleh mengemukakan laporan isyarat sama ada baik atau tidak ketika berkomunikasi. Laporan tersebut dapat memberi peluang kepada Stesen lain untuk memperbetulkan pancaran.

Terdapat 2 skala yang mendorong kepada laporan isyarat iaitu audio diterima dan kekuatan isyarat diterima. Skala tersebut adalah:-

Skala Bacaan Audio [Readability Scale (R)]

- 1 Sukar menerima audio
- 2 Lemah, audio kurang jelas
- 3 Kurang memuaskan, penerimaan menyukarkan
- 4 Baik, audio jelas
- 5 Amat baik, audio yang amat jelas dan mantap

Skala Kekuatan Isyarat [Isyarat Strength Scale (S)]

- 1 Tidak dapat difahami, tidak boleh dibaca.
- 2 Isyarat lemah, boleh dibaca.
- 3 Isyarat lemah, boleh diterima
- 4 Isyarat sederhana
- 5 Isyarat sederhana baik
- 6 Isyarat baik
- 7 Kekuatan isyarat sederhana
- 8 Isyarat yang kuat
- 9 Isyarat yang amat kuat dan mantap

Angka "5 dan 9" bermaksud Amat baik dengan audio yang amat jelas dan mantap

HURUF FONETIK (Phonetic Alphabet)

Huruf fonetik digunakan adalah semata-mata untuk mengelakan kekeliruan ketika berkomunikasi. Adalah disyorkan ketika berkomunikasi untuk mengelakan kesalahan ajaan di dalam perbualan (QSO).

Callsign harus disebut menggunakan fonetik.

<u>Huruf</u>	<u>Fonetik</u>	<u>Sebutan</u>
A	Alfa	<u>AL</u> FAH
B	Bravo	<u>BRAH</u> VOH
C	Charlie	<u>CHAR</u> LEE or <u>SHAR</u> LEE
D	Delta	<u>DELL</u> TAH
E	Echo	<u>ECK</u> OH
F	Foxtrot	<u>FOKS</u> TROT
G	Golf	GOLF
H	Hotel	HOH <u>TELL</u>
I	India	<u>IN</u> DEE AH
J	Juliett	<u>JEW</u> LEE <u>ETT</u>
K	Kilo	<u>KEY</u> LOH
L	Lima	<u>LEE</u> MAH
M	Mike	MIKE
N	November	NO <u>VEM</u> BER
O	Oscar	<u>OSS</u> CAH
P	Papa	PAH <u>PAH</u>
Q	Quebec	KEH <u>BECK</u>
R	Romeo	<u>ROW</u> ME OH
S	Sierra	SEE <u>AIR</u> RAH
T	Tango	<u>TANG</u> GO
U	Uniform	<u>YOU</u> NEE FORM atau <u>OO</u> NEE FORM
V	Victor	<u>VIK</u> TAH
W	Whiskey	<u>WISS</u> KEY
X	X-ray	<u>ECKS</u> <u>RAY</u>
Y	Yankee	<u>YANG</u> KEY
Z	Zulu	<u>ZOO</u> LOO

0	zero	ZAY-ROH
1	one	WUN
2	two	TOO
3	three	TREE
4	four	FOWER
5	five	FIVE
6	six	SIX
7	seven	SEVEN
8	eight	AIT

9	nine	NINER
Decimal point	Decimal	DAY-SEE-MAL
Full stop	Stop	STOP

KOD 'Q' ('Q' Code)

Q kod ini dipergunakan dalam komunikasi CW dan merupakan singkatan dari suatu keperluan komunikasi antara Stesen radio amatir. Q kod ini dapat dipergunakan secara luas dalam sistem komunikasi dengan CW.

Q kod hanya terdiri dari 3 (tiga) huruf yang diawali dengan huruf Q dan merupakan suatu: Informasi, Penjelasan, Situasi, Kondisi, Tindakan dan lain-lain.

Kod Q bukan suatu perkataan yang boleh ditambah imbuhan diawal atau diujungnya contoh: 1) Tolong **QRO**kan dan memancar semula. Terima kasih di atas ber**QSO** kita tadi, dan lain-lain...

Q kod ini merupakan PERTANYAAN dari satu pihak/Stesen, dan di lain pihak merupakan PERNYATAAN/JAWAPAN yang diinginkan.

Q kod ini digunakan untuk berbagai macam keperluan seperti; Keadaan Cuaca, Perjalanan, Penerbangan, Pelayaran, Kegiatan-kegiatan SAR dan lain-lain. Q kod yang umum dipergunakan dalam komunikasi Radio Amatir, antara lain:

Q KOD	PERTANYAAN	PERNYATAAN/JAWAPAN
QRG?	Apa frekuensi saya sebenarnya? QRG?	Frekuensi anda adalah ... (MHz/KHz) QRG ... (MHz/KHz)
QRH?	Apakah frekuensi saya bergerak/bergeser? QRH?	Frekuensi anda bergerak/bergeser ... KHz QRH ... KHz Down/Up (kalau bergerak) QRH N (kalau tidak bergerak)
QRI?	Bagaimana nada audio pancaran saya? QRI?	Nada audio pancaran anda ... QRI ... (1:Baik 2:Sedang 3:Buruk)

QRK?	Bagaimana bacaan isyarat saya? QRK?	Bacaan isyarat saudara adalah ... QRK ... (1:Sangat lemah, 2:Lemah, 3:Cukup, 4:Kuat, 5: Sangat Kuat)
QRL? *Disyorkan Untuk Audio	Adakah anda sibuk? atau Adakah frekuensi ini sedang dipergunakan? QRL?	Ya, saya sedang sibuk atau Frekuensi ini sedang dipergunakan oleh ... (nama Stesen) QRL atau QRL ... (nama Stesen)
